



JABATAN KERJA RAYA, SABAH
NEGERI SABAH, MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah **Kod Bidang Perkhidmatan Perunding 330203 (Ukur Tanah)** serta sivil-sivil yang masih belum tamat tempoh sah untuk membuat tawaran bagi perkhidmatan perunding berikut:-

Ruj. Tender	Butir-Butir Pelawaan	Harga Dokumen Tender (RM)	Kod Bidang Kajian	Tarikh, Masa & Tempat Bagi Taklimat
JKR.JUB. 600- 1/1/759	Perkhidmatan Perunding Bidang Ukur Tanah Bagi Projek Naiktaraf Jalan Terian, Penampang, Sabah.	50.00 Sahaja	330203 (Ukur Tanah)	Taklimat dan Lawatan Tapak Tender TIDAK DIWAJIBKAN. 1. Perunding boleh melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan bagi membantu syarikat mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan / maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran tender. 2. Sekiranya petender mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan sosial, penggunaan <i>hand sanitizer</i> dan pemakaian pelitup muka (<i>face mask</i>) adalah perlu diteruskan. 3. Rakaman Video/Slaid/Taklimat Projek akan dipaparkan di laman sesawang rasmi JKR Sabah (jkrapps.sabah.gov.my) untuk diakses oleh semua petender yang berminat, sepanjang tempoh tender, mulai 22 Februari 2021.

Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen Tender	: 01hb Mac 2021 sehingga 22hb Mac 2021
	: Isnin - Khamis - 8.30 Pagi - 12.00 Tengahari 2.00 Petang - 3.00 Petang
	: Jumaat - 8.30 Pagi - 11.00 Pagi 2.00 Petang - 3.00 Petang
Tarikh Tutup Tender	: 22hb Mac 2021 (Isnin - Jam 12.00 Tengahari)
Tempat Memasukkan Tender	: Peti Tawaran, Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP), Projek Pembangunan Fizikal Kerajaan Persekutuan Di Bawah Kendalian Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah, Bangunan Kementerian Kerja Raya Sabah, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR, 88582 KOTA KINABALU, SABAH

Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat Lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan dan boleh diperolehi semasa waktu pejabat di **Kaunter Bahagian Penjualan Dokumen Tender (Cawangan Ukur Bahan), Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Kota Kinabalu, Sabah.** Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada perunding-perunding atau wakil - wakilnya yang **SAH** sahaja dengan membawa **'SURAT TAULIAH'** yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil dokumen bagi pihak syarikat perunding. **Sivil-Sivil yang berkenaan** hendaklah dikemukakan dan sila sediakan satu (1) salinan sivil – sivil semasa hendak mengambil dokumen tender.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan **"Cadangan Teknikal"** dan **"Cadangan Kos"** di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan seperti yang dinyatakan di atas. Dokumen Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.